☑ Harian Metro
☐ Metro Ahad
Tarikh: 4/2/2012
Hari: SABTU M/S: 39
Ruangan: SEMENANJUNG

Kerjasama bijak

PNB bantu UUM lahir lebih ramai usahawan francais di negara ini

>>Oleh Mohamad Hussin
mohamad@kmetro.com.my

FOTO | Syaharim Abidin

SEPAKAT...Mohamed Mustafa (kiri) bersama Syed Kamarulzaman melihat dokumen selepas menandatangani MoU antara UUM dan PNB.

SINTOK: Universiti Utara Malaysia (UUM) menjalin kerjasama pintar dengan Perbadanan Nasional Berhad (PNB) menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) bagi membangunkan program keusahawanan francais untuk melahirkan lebih ramai usahawan francais di negara ini.

Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, melalui kerjasama itu, UUM memberi latihan dan penyelidikan kepada usahawan manakala PNB memberi sokongan, nasihat serta bantuan kepakaran.

Menurutnya, pada masa sama, UUM turut mewujudkan Kursi Pengajian Francais yang ditaja PNB bagi membolehkan mereka mendapatkan maklumat yang banyak.

"Kami percaya kewujudan Kursi Francais tajaan PNB di UUM mengangkat bidang francais ke tahap lebih tinggi kerana yang pertama diwujudkan di negara ini.

"Melalui program ditawarkan, ia membabitkan bidang penyelidikan, kajian, pembangunan, inovasi, pembangunan potensi dan peluang.

"Kita bergerak ke arah melahirkan sijil, diploma dan pelbagai lagi program akademik bidang francais dengan kerjasama PNB dan Institut Pembangunan Keusahawanan dan Korporat (Cedi) tidak lama lagi," katanya selepas majlis menandatangani MoU itu, di sini, kelmarin.

Pada majlis itu, Mohamed Mustafa mewakili UUM manakala PNB diwakili Pengarah Urusan PNS, Syed Kamarulzaman Syed Khodki Shahabudian.

Mohamed Mustafa berkata, kedua-dua pihak akan mengadakan perbincangan lanjut bagi menghasilkan perincian kerjasama.

"Selepas semua kerangka rujukan diperhalusi dan dipersetujui, kami berharap dalam tempoh dua bulan dapat melihat hasil.

"Kerjasama itu menjadi platform kepada UUM menjalinkan kerjasama lebih luas dengan PNS, yang juga agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)," katanya.

Sementara itu, Syed Kamarulzaman berkata, pihaknya memilih untuk berkolaborasi dengan UUM memandangkan latar belakang universiti itu yang memfokuskan kepada bidang pengurusan.

"Saya kira ia satu kelebihan kepada UUM kerana mempunyai kepakaran dalam bidang francais dan itu mustahak untuk menentukan mereka yang membimbing adalah pakar dalam bidang itu," katanya.